

Amaran kepada ahli2 MCA

San Choon tuduh Gerakan menceroboh

PRESIDEN MCA, Datuk Lee San Choon hari ini mendakwa beberapa parti politik terutama Gerakan menceroboh hal ehwal rumah-tangga MCA dengan menghasut ahli-ahli supaya memberontak dan melompat ke parti lain.

Bagaimanapun beliau berkata, permainan politik yang meragukan itu tidak akan berjaya di kalangan masyarakat Cina kerana terlalu 'kebudak-budakan' dan tidak akan berjaya merampas penyokong-penyokong MCA.

Datuk Lee memberi amaran kepada ahli-ahli supaya tidak menjadi mangsa kepada plot politik seperti itu dan jangan terpengaruh dengan penghasut-penghasut berkenaan.

Beliau berucap demikian kepada kira-kira 300 ahli MCA dalam kon-

SUNGAI PETANI, Jumaat

vensyen MCA Kedah di Dewan Persekutuan Teo Cheow di sini pagi ini.

Datuk Lee yang juga Menteri Pengangkutan berkata, arena politik bukanlah satu tempat untuk memberi ucapan kosong dan janji kosong kepada rakyat dengan harapan untuk mendapatkan sokongan.

Menyedihkan

"Adalah satu perkara menyedihkan terdapatnya golongan yang menggunakan politik berpura-pura di kalangan kita," katanya.

Mereka cuba memesungkan masyarakat Cina dengan janji-janji kosong seolah-olah merekalah penyelamat masyarakat.

Beliau berkata, "matlamat MCA ialah untuk menyatupadukan masyarakat Cina dan bertindak secara kolektif dalam perjuangan membaiki hak-hak."

Katanya, perpaduan adalah juga penting dalam perjuangan untuk mendapatkan hak dan kepentingan generasi akan datang.

Datuk Lee berkata, memandangkan pemilihan pucuk pemimpin parti diadakan tahun ini, ahli-ahli tidak harus menggunakan perkara-perkara peribadi atau kewibawaan seseorang dalam tempoh tersebut.

"Ini adalah peluang untuk kita membuktikan bahawa demokrasi sentiasa wujud di dalam kepimpinan MCA," tambahnya.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Encik Oo Gin Sun berkata, kemunculan pemimpin baru negara akan memberi semangat bagi masa depan masyarakat Cina.

"Negara kita patut diberi kepujian kerana pertukaran pucuk pimpinan berjalan licin dan teratur walaupun berlaku kehangatan semasa pilihanraya memilih Timbalan Presiden UMNO," katanya.

Encik Oo yang juga ahli Parlimen Alor Setar berkata, dasar-dasar Kerajaan sebagai yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan membawa perpaduan dan kemajuan yang lebih besar kepada semua rakyat negara ini sekiranya dilaksanakan dengan sempurna.

Beliau menyeru ahli-ahli MCA supaya menunjukkan disiplin yang baik bagi menghadapi cabaran kepada masyarakat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia